



KECENDERUNGAN KERJAYA SEBAGAI PERUNDING TAKAFUL DALAM
KALANGAN PELAJAR UNIVERSITI AWAM

DAYANG ZANNARIE AFNAHTON AIDA BINTI AHMAD



LAPORAN DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2017





Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada(hari bulan)..... (bulan) 20.....

i. Perakuan pelajar :

Saya, _____ (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk _____

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, _____ (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk _____

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah _____ (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

Tarikh

Tandatangan Penyelia





PENGHARGAAN

Dalam usaha menyempurnakan penulisan disertasi ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada penyelia saya Profesor Madya Dr. Che Mohd Zulkifli Bin Che Omar atas bimbingan, tunjuk ajar dan perhatian yang diberikan sepanjang penulisan disertasi ini. Segala bimbingan, nasihat dan kesabaran beliau sangat berharga dan akan dikenang sepanjang hayat.

Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada pihak UPSI, UNIMAS dan UITM (Kampus Puncak Alam) kerana membenarkan penyelidikan ini dijalankan di fakulti-fakulti yang terlibat.

Tidak lupa juga kepada rakan seperjuangan yang telah memberi dorongan dan bantuan yang amat diperlukan dan kakitangan UPSI yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam membantu saya menyiapkan kajian ini. Saya juga ingin merakamkan ribuan penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua responden dalam menyumbangkan data-data yang berguna serta menjadi responden kaji selidik bagi menjayakan disertasi ini secara sukarela.

Akhir sekali ribuan penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada ahli keluarga saya yang tidak jemu memberi dorongan, nasihat dan sokongan moral mahupun material sehingga saya berjaya menyiapkan penulisan disertasi ini.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti faktor - faktor yang mempengaruhi kecenderungan kerjaya sebagai Perunding Takaful dalam kalangan pelajar Universiti Awam (UA) Malaysia. Kajian ini menggunakan kaedah persampelan bertujuan melibatkan dua (2) buah Universiti Awam (UA) dan tiga ratus lapan puluh empat (384) orang responden yang mengikuti pengajian di UNIMAS dan UITM (Kampus Puncak Alam). Kajian ini berbentuk tinjauan dan menggunakan instrumen soal selidik. Data dianalisis menggunakan ujian-t dan ujian korelasi. Dapatan kajian menunjukkan responden bersetuju faktor yang paling mempengaruhi kecenderungan kerjaya sebagai Perunding Takaful adalah faktor sikap dengan memperoleh nilai min yang paling tinggi (Min=3.12) berbanding faktor lain yang dikaji iaitu faktor latarbelakang, faktor motivasi dan faktor kemahiran. Oleh itu dapat disimpulkan bahawa faktor sikap terhadap kerjaya sebagai Perunding Takaful adalah faktor utama kecenderungan kerjaya di kalangan pelajar – pelajar UNIMAS dan UITM (Kampus Puncak Alam) dan diharapkan dengan faktor tersebut dapat memberikan satu persepsi bahawa kerjaya Perunding Takaful dipilih kerana sikap yang mendalam terhadap kerjaya tersebut dan bukannya disebabkan oleh faktor sampingan lain. Implikasi daripada kajian ini diharapkan dapat membantu pihak pengurusan universiti, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan pihak – pihak yang berkepentingan membuat penilaian mengenai kecenderungan pelajar terhadap kerjaya ini. Selain itu, hasil kajian ini juga diharapkan dapat menjadi sumber rujukan kepada pembaca dan pengkaji lain untuk kajian lanjutan dan pemahaman mereka.





TRENDS IN CAREER AS A TAKAFUL CONSULTANT AMONG PUBLIC UNIVERSITY STUDENTS

ABSTRACT

This study aims to identify the factors that affect the likelihood of a career as a Takaful Consultant among Public University students. The study used purposive sampling method involves two (2) public university and three hundred and eighty four (384) respondents who are currently studying at the UNIMAS and UITM (Puncak Alam Campus). This study is surveys and using questionnaires instrument. Data were analyzed using t-test and correlation test. The findings showed that most respondents agree factor influencing interest Takaful is a career as a Takaful consultant with the attitude factor obtained the highest mean value (Mean = 3.12) between the all of these four factors. Therefore it can be concluded that the attitude factor toward a career as a Takaful Consultant is a major factor in the career trend among students UNIMAS and UITM (Puncak Alam Campus) and these factors can be expected to give the perception that a career or Takaful Consultant selected for in-depth attitudes towards the profession and not due factor other side. The implications of this study are expected to help the university management, the Ministry of Higher Education Malaysia (MOHE) and the parties of stakeholders to make judgments about student's tendency towards this career. In addition, the results of this study are also expected to be a reference to readers and other researchers for further research and understanding.



KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Pernyataan Masalah	4
1.4 Tujuan Kajian	6
1.5 Objektif Kajian	6
1.6 Persoalan Kajian	7
1.7 Hipotesis Kajian	8
1.8 Kepentingan Kajian	9

1.9	Batasan Kajian	10
1.10	Definisi Operasional	11
1.10.1	Kecenderungan	11
1.10.2	Kerjaya	11
1.10.3	Perunding Takaful	12
1.10.4	Pelajar Universiti Awam (UA)	12
1.11	Rumusan	13

BAB 2 SOROTAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	14
2.2	Konsep	15
2.2.1	Takrif Keusahawanan	15
2.2.2	Takrif Takaful	17
2.2.3	Perunding Takaful	18
2.3	Faktor – Faktor Yang Mendorong Kerjaya Sebagai Perunding Takaful Dalam Kalangan Pelajar Universiti Awam (UA)	
2.3.1	Faktor Latarbelakang	19
2.3.2	Faktor Motivasi	21
2.3.3	Faktor Sikap	22
2.3.4	Faktor Kemahiran	23
2.4	Teori Keusahawanan	
2.4.1	Pendekatan Ekonomi	26
2.4.2	Pendekatan Sosiologi	27



2.4.3	Pendekatan Psikologi	28
2.4.4	Pendekatan Islam	29
2.5	Teori Pemilihan Kerjaya	30
2.5.1	Teori Kerjaya Islam	31
2.5.2	Teori Holland	31
2.5.3	Teori Super	34
2.5.4	Teori Krumboltz	35
2.5.5	Teori Anne Roe	35
2.6	Kerangka Konsep Kajian	36
2.7	Rumusan	36



3.1	Pengenalan	38
3.2	Rekabentuk Kajian	38
3.3	Kajian Rintis	41
3.4	Populasi dan Sampel	42
3.5	Unit Analisis Kajian	45
3.6	Kaedah Pengumpulan Data	46
3.6.1	Soal Selidik	47
3.6.2	Data Primer	48
3.6.3	Data Sekunder	48
3.7	Cara Pemberian Markat	48
3.8	Kesahan	49



3.9	Kebolehpercayaan	50
3.10	Prosedur Kajian	50
3.11	Kaedah Penganalisaan Data	51
3.11.1	Analisis Deskriptif	51
3.11.2	Analisis Korelasi Pearson	53
3.11.3	Analisis Ujian-T	54
3.12	Rumusan	54

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	56
4.2	Analisis Kebolehpercayaan	57
4.3	Analisis Deskriptif Demografi	57
4.4	Analisis Min Bagi Faktor Paling Utama Yang Mendorong Pelajar Universiti Awam (UA) Memilih Kerjaya Sebagai Perunding Takaful	59
4.5	Analisis Hubungan Faktor – Faktor Kecenderungan Kerjaya Sebagai Perunding Takaful Melalui Ujian Korelasi	62
4.6	Analisis Perbezaan Faktor – Faktor Kecenderungan Kerjaya Sebagai Perunding Takaful Melalui Ujian-T (One Sample T-Test)	64
4.7	Analisis Perbezaan Faktor – Faktor Kecenderungan Kerjaya Sebagai Perunding Takaful Berdasarkan Gender Melalui Ujian-T Sampel Tidak Bersandar (Independent Sample T-Test)	64
4.7.1.1	Analisis Perbezaan Faktor Latarbelakang Berdasarkan Gender	65
4.7.1.2	Analisis Perbezaan Faktor Motivasi Berdasarkan Gender	66

4.7.1.3	Analisis Perbezaan Faktor Sikap Berdasarkan Gender	67
4.7.1.4	Analisis Perbezaan Faktor Kemahiran Berdasarkan Gender	68

4.8	Analisis Hipotesis	69
4.9	Rumusan	70

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	71
5.2	Perbincangan Hasil Kajian	
5.2.1	Profil Pelajar Terhadap Kerjaya Sebagai Perunding Takaful	72
5.2.2	Faktor Paling Utama Yang Mendorong Pelajar Memilih Perunding Takaful Sebagai Kerjaya	74
5.2.3	Terdapat Hubungan Yang Signifikan Di Antara Faktor Latarbelakang, Motivasi, Sikap Dan Kemahiran Terhadap Kerjaya Perunding Takaful	77
5.2.4	Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Terhadap Faktor Latar Belakang, Motivasi, Sikap Dan Kemahiran Terhadap Kerjaya Perunding Takaful	79
5.2.5	Perbezaan Faktor Latar belakang, motivasi, sikap dan kemahiran Terhadap Kerjaya Perunding Takaful Berdasarkan Gender	
5.2.5.1	Perbezaan Faktor Latar Belakang Terhadap Kerjaya Perunding Takaful Berdasarkan Gender	81
5.2.5.2	Perbezaan Faktor Motivasi Terhadap Kerjaya Perunding Takaful Berdasarkan Gender	83

5.2.5.3	Perbezaan Faktor Sikap Terhadap Kerjaya Perunding Takaful Berdasarkan Gender	85
5.2.5.4	Perbezaan Faktor Kemahiran Terhadap Kerjaya Perunding Takaful Berdasarkan Gender	89
5.3	Kesimpulan	91
5.4	Cadangan	94
5.4.1	Cadangan Kepada Pihak Universiti Awam (UA)	94
5.4.2	Cadangan Kepada Kajian Akan Datang	98
5.5	Implikasi Kajian	99
5.6	Penutup	100

RUJUKAN

LAMPIRAN

Lampiran A – Instrumen Soal Selidik

101



SENARAI JADUAL

No. Jadual	Jadual	Muka Surat
3.3	Nilai <i>Alpha Cronbach</i>	42
3.4	Jumlah Sampel	45
3.7.1.1	Julat Skor Faktor Latar Belakang	52
3.7.1.2	Julat Skor Faktor Motivasi	52
3.7.1.3	Julat Skor Faktor Sikap	53
3.7.1.4	Julat Skor Faktor Kemahiran	53
3.7.2	Tahap Pencapaian Pekali Korelasi	54
4.3	Peratus Frekuensi Responden	58
4.4	Jumlah Min Pada Faktor Paling Tinggi	60
4.4.1	Jumlah Min Pada Faktor – Faktor Kecenderungan Kerjaya	61
4.5.1	Jadual Analisis Hubungan Nilai Pekali Korelasi Bagi Faktorlatarbelakang, Motivasi, Sikap Dan Kemahiran	63
4.6.1	Jadual Analisis Perbezaan Faktor Latarbelakang, Motivasi, Sikap Dan Kemahiran	64
4.7.1.1	Jadual Analisis Perbezaan Faktor Latarbelakang Berdasarkan Gender	65
4.7.1.2	Jadual Analisis Perbezaan Faktor Motivasi Berdasarkan Gender	66
4.7.1.3	Jadual Analisis Perbezaan Faktor Sikap Berdasarkan Gender	67
4.7.1.4	Jadual Analisis Perbezaan Faktor Kemahiran Berdasarkan Gender	68
4.8	Analisis Hipotesis	69





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Rajah	Muka Surat
2.6	Kerangka Konsep Kajian	36
3.6	Carta Aliran Proses Kajian	46





SENARAI SINGKATAN

IKM	Institut Kemahiran Mara
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
MARA	Majlis Amanah Rakyat
UA	Universiti Awam
UITM	Universiti Institut Teknologi Mara
UNIMAS	Universiti Malaysia Sarawak
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
SPSS	<i>Statistical Packages For The Social Science</i>





SENARAI LAMPIRAN

A Soal Selidik





BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN



Penyertaan lebih ramai golongan muda dalam bidang keusahawanan merupakan salah satu cara untuk meningkatkan pendapatan rakyat selaras dengan hasrat Malaysia untuk mencapai matlamat sebagai negara berpendapatan tinggi pada tahun 2020. Menurut Ali (2003), jumlah penduduk di Malaysia akan meningkat kepada 32 juta orang menjelang tahun 2020 serta dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang dijangka meningkat daripada RM 115 bilion kepada RM 920 bilion pada tahun 2020 (Othman, 2009).

Matlamat sesebuah negara untuk muncul sebagai negara maju dalam apa – apa bidang terutamanya keusahawanan perlu diwar-warkan kepada seluruh masyarakat.





Dalam pembangunan sesebuah negara keusahawanan merupakan satu bidang yang amat penting. Jika dilihat dari aspek ekonomi, aktiviti keusahawanan akan mewujudkan pelbagai peluang pekerjaan yang menjana pendapatan yang tinggi disamping menyumbang kepada kekayaan ekonomi negara.

Masyarakat lebih cenderung untuk bekerja makan gaji berbanding bekerja sendiri. Oleh itu Malaysia kini sedang berusaha untuk mengubah keadaan masyarakat untuk bekerja sendiri daripada bergantung kepada kerajaan. Berdasarkan Kajian Pengesanan Graduan Kementerian Pengajian Tinggi pada tahun 2009, hanya sebilangan kecil sahaja graduan yang memilih kerjaya sebagai usahawan iaitu 1.6% atau 1088 orang (Hafez, 2013).



Selaras dengan matlamat negara maju berpendapatan tinggi, Malaysia juga sedang menggalakkan siswazah menceburi bidang keusahawanan yang mendatangkan pulangan yang lumayan. Menurut Norita (2007), di Malaysia keusahawanan adalah sektor penting dalam pembangunan negara. Sememangnya proses melahirkan seorang usahawan bukanlah sesuatu perkara yang mudah. Malaysia kini rancak memperkembangkan bidang keusahawanan melalui pendidikan bagi menjadikan bidang ini diantara kerjaya yang diminati. Menurut Azilahwati (2010), Institusi Pengajian Tinggi mula mewujudkan kursus berkaitan perniagaan untuk memberi pendedahan kepada pelajar mengenai bidang keusahawanan.





Keusahawanan merupakan satu bidang kerjaya yang berpotensi untuk mengatasi isu pengangguran. Dalam kehidupan seseorang individu kerjaya merupakan aspek penting kerana ia menentukan masa depan dan bidang kerjaya yang dipilihnya serta peranan individu dalam masyarakat nanti. Walaubagaimanapun, permasalahan besar yang sering dikemukakan oleh pelajar adalah bidang kerjaya iaitu ia perlu menepati citarasa pelajar. Kerjaya yang menepati kehendak akan dapat mengelakkan berlakunya pertukaran kerja dalam masa yang singkat. Kesedaran bidang keusahawanan sebagai kerjaya sangat penting di negara ini berikutan sumber rezeki yang lebih meyakinkan. Ciri – ciri usahawan dan semangat keusahawanan perlu bagi seseorang yang ingin menjadi usahawan. Menurut Zaidatol (1998), ciri – ciri sebagai usahawan boleh dilatih dan bukan sahaja wujud secara semulajadi tetapi terdiri daripada pelbagai faktor yang dilatih.



Kenyataan ini disokong oleh Hisrich (2000), latarbelakang keluarga yang menceburi bidang keusahawanan turut mewujudkan kreadibiliti keusahawanan dalam kerjaya.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Kerjaya sebagai Perunding Takaful bagi graduan pada hari ini mungkin sebagai pilihan terakhir kerana persepsi masyarakat menganggap kerjaya ini tidak menjanjikan masa depan. Hal ini kerana masyarakat masih tidak memahami konsep takaful dan kepentingannya dalam kehidupan seharian.





Perunding Takaful merupakan sebuah kerjaya yang fleksibel dari segi masa dan pendapatan yang mana masa dan pendapatan ditentukan oleh mereka sendiri. Sehubungan dengan itu kerjaya ini juga turut membantu menyedarkan masyarakat akan kepentingannya dalam melindungi risiko kehidupan seharian kita.

Pasaran kerjaya yang masih luas dan di Malaysia sahaja daripada keseluruhan populasi, secara kasar hanya terdapat 200,000 orang Perunding Takaful dan klien akan sentiasa terbuka kerana adanya kelahiran setiap hari (Sinar Harian, 2016). Kelebihan kerjaya ini tidak mempunyai risiko kerugian kerana produknya adalah sijil/ polisi perlindungan dan juga tidak bergantung kepada keadaan ekonomi semasa.



Institusi Takaful adalah berdasarkan kepada prinsip perlindungan institusi Islam. Industri ini perlu disokong kerana ia adalah satu sistem yang memastikan keadilan dan kebajikan rakyat. Perlindungan melalui sistem Takaful mempunyai kelebihan yang tidak dapat dinafikan lagi berbanding dengan sistem perlindungan konvensional.

1.3 PERNYATAAN MASALAH

Pertumbuhan sektor Industri Takaful sedang menuju perkembangan yang positif dengan pertumbuhan produk baru dan inovasi dari syarikat – syarikat pengendali Takaful. Menurut Pengarah Urusan Kumpulan Takaful Malaysia Datuk Mohamed Hassan Kamil,





pertumbuhan sektor industri Takaful dijangka stabil berikutan pelan pengurusan risiko yang lebih baik yang mendorong orang ramai membeli Insurans dan Takaful.

Walaupun pertumbuhan industri Insurans dan Takaful semakin pesat namun penembusan pasaran masih rendah. Menurut laporan tahunan Persatuan Takaful Malaysia (MTA) pada tahun 2014, masih terdapat banyak ruang untuk pasaran kerjaya dalam industri ini memandangkan penembusan pasaran konvensional dan Takaful di Malaysia masih rendah iaitu hanyalah 14% bagi Takaful dan 54% bagi konvensional.

Justeru itu, Syarikat Takaful Ikhlas Berhad (Takaful IKHLAS), anak syarikat MNRB Holdings Berhad pula berhasrat untuk menambah bilangan Perunding Takaful Keluarga daripada 6000 orang pada tahun 2017, berbanding pada tahun 2016 hanya seramai 3000 orang bagi memastikan perluasan produk dan peningkatan pemegang sijil .

Penyumbang utama kepada penembusan pasaran Takaful yang masih rendah adalah kekurangan Perunding Takaful. Melihat kekurangan itu, ternyata peluang kerjaya dalam bidang ini terbuka luas. Menyedari kepentingan perancangan risiko kepada masyarakat kajian ini dijalankan bagi mengkaji kecenderungan kerjaya sebagai Perunding Takaful dalam kalangan pelajar Universiti Awam (UA).





1.4 TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian adalah untuk melihat dan mengenalpasti faktor – faktor yang mempengaruhi kecenderungan kerjaya sebagai Perunding Takaful dalam kalangan pelajar Universiti Awam (UA) yang mana akan dihuraikan secara terperinci.

1.5 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini mempunyai lapan objektif yang ingin dicapai iaitu:

- i. Menenalpasti profil pelajar Universiti Awam (UA).
- ii. Menenalpasti faktor-faktor yang mendorong pelajar memilih Perunding Takaful sebagai kerjaya.
- iii. Menenalpasti samaada terdapat hubungan yang antara faktor latarbelakang terhadap kerjaya Perunding Takaful.
- iv. Menenalpasti samaada terdapat hubungan yang antara faktor motivasi terhadap kerjaya Perunding Takaful.
- v. Menenalpasti samaada terdapat hubungan yang antara faktor sikap terhadap kerjaya Perunding Takaful.
- vi. Menenalpasti samaada terdapat hubungan yang antara faktor kemahiran terhadap kerjaya Perunding Takaful.
- vii. Menenalpasti samaada terdapat perbezaan latarbelakang, motivasi, sikap dan kemahiran terhadap kerjaya Perunding Takaful.





viii. Mengenalpasti samaada terdapat perbezaan latarbelakang, motivasi, sikap dan kemahiran terhadap kerjaya Perunding Takaful berdasarkan gender.

1.6 PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan objektif kajian, terdapat lapan persoalan yang akan dijawab oleh kajian ini berdasarkan kepada ciri – ciri keusahawanan seperti berikut:

- i. Adakah profil Perunding Takaful pelajar Universiti Awam (UA)?
- ii. Apakah faktor utama mendorong pelajar memilih Perunding Takaful sebagai kerjaya?
- iii. Apakah wujud hubungan diantara faktor latarbelakang dengan kerjaya Perunding Takaful?
- iv. Apakah wujud hubungan diantara faktor motivasi dengan kerjaya Perunding Takaful?
- v. Apakah wujud hubungan diantara faktor sikap dengan kerjaya Perunding Takaful?
- vi. Apakah wujud hubungan diantara faktor kemahiran dengan kerjaya Perunding Takaful?
- vii. Apakah terdapat perbezaan latarbelakang, motivasi, sikap dan kemahiran dengan kerjaya Perunding Takaful.
- viii. Apakah terdapat perbezaan latarbelakang, motivasi, sikap dan kemahiran terhadap berdasarkan gender.



1.7 HIPOTESIS KAJIAN

Hipotesis adalah suatu andaian atau penjelasan yang dibuat berdasarkan bukti terhadap sebagai titik permulaan untuk siasatan lanjut (Kamarudin dan Roslim, 1990). Tujuan hipotesis adalah untuk membuat suatu pernyataan mengenal hasil yang diharapkan daripada kajian yang sedang dijalankan. Hipotesis sebagai asas untuk kajian dalam menimbulkan persoalan yang akan diuji. Setiap percubaan mempunyai dua hipotesis nol dan hipotesis alternatif. Hipotesis nol adalah kedudukan yang tidak mempunyai hubungan dan hipotesis alternatif terdapat hubungan antara pembolehubah.

Ho 1: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor latarbelakang dengan kerjaya Perunding Takaful.

Ho 2: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor motivasi dengan kerjaya Perunding Takaful.

Ho 3: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor sikap dengan kerjaya Perunding Takaful.

Ho 4: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor kemahiran dengan kerjaya Perunding Takaful.

Ho 5: Tidak terdapat perbezaan antara faktor latarbelakang, motivasi, sikap dan kemahiran dengan kerjaya Perunding Takaful.

Ho 6: Tidak terdapat perbezaan antara faktor latarbelakang, motivasi, sikap dan kemahiran dengan kerjaya Perunding Takaful berdasarkan gender.



1.8 KEPENTINGAN KAJIAN

Kepentingan kajian yang dilakukan ini diharapkan dapat membantu pihak – pihak yang terlibat seperti Syarikat Takaful di Malaysia dan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) agar dapat mengenalpasti:

- i. Faktor – faktor yang mempengaruhi kecenderungan pelajar terhadap kerjaya sebagai Perunding Takaful.
- ii. Setakat yang diketahui, penyelidikan terhadap kerjaya Perunding Takaful merupakan kajian yang baru. Oleh itu, dengan adanya kajian ini dapat menambahkan maklumat baru dan sokongan data kepada seluruh Syarikat Takaful di Malaysia dan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).
- iii. Justeru itu hasil kajian ini dapat membantu pihak universiti tentang ciri – ciri keusahawanan yang boleh membentuk perkembangan kerjaya pelajar. Selain itu, garis panduan ini juga boleh digunakan oleh individu yang terlibat dalam institusi pendidikan atau pihak pentadbiran pendidikan agar dapat membentuk satu budaya keusahawanan dikalangan pelajar.
- iv. Hasil kajian ini dapat membantu penyelidik lain yang ingin membuat kajian terhadap tajuk yang berkaitan.





1.9 BATASAN KAJIAN

Kajian ini dibataskan kepada pelajar UNIMAS dan UITM (Kampus Puncak Alam) sahaja. Oleh yang demikian jumlah sampel yang diambil juga terhad dan kemungkinan besar keputusan akhir kajian tidak melambangkan keputusan majoriti keseluruhan pelajar Universiti Awam (UA) di Malaysia. Kajian ini menumpukan perhatian kepada empat faktor yang mempengaruhi kecenderungan pelajar dalam pemilihan kerjaya. Walaupun terdapat faktor lain seperti pengaruh personaliti, rakan sebaya, pencapaian akademik serta kelebihan kerjaya tersebut.

Kajian ini hanya tertumpu kepada empat faktor utama yang dilihat pengkaji mampu mempengaruhi kecenderungan pelajar terhadap kerjaya sebagai Perunding Takaful. Walaupun terdapat banyak lagi faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya seperti personaliti, pengaruh rakan sebaya, pencapaian akademik serta kelebihan kerjaya tersebut namun bagi pengkaji untuk peringkat awal ini hanya empat faktor yang diberi penekanan. Selain itu juga batasan kajian ini hanya berkisar di kawasan kampus UITM (Kampus Puncak Alam) dan UNIMAS dan responden yang dipilih juga hanya tertumpu kepada fakulti – fakulti yang terdapat di dalam kampus UITM (Kampus Puncak Alam) dan UNIMAS sahaja. Oleh yang demikian, jumlah sampel yang diambil juga agak terhad dan kemungkinan juga keputusan akhir kajian tidak melambangkan keputusan majoriti keseluruhan pelajar UITM (Kampus Puncak Alam) dan UNIMAS.



1.10 DEFINISI OPERASIONAL

Konsep definisi operasi ialah satu definisi yang menerangkan tentang maksud kajian. Dalam erti kata lain, definisi operasional adalah definisi tersendiri yang dimaksudkan oleh pengkaji dalam penyelidikan (Rozmi Ismail, 2013). Oleh itu, definisi yang diketengahkan dalam kajian ini adalah berdasarkan pemahaman pengkaji ke atas kajian ini sahaja. Berikut ialah keterangan istilah yang digunakan dalam kajian ini:

1.10.1 KECENDERUNGAN

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2013), kecenderungan didefinisikan sebagai sesuatu yang diminati atau disukai akan sesuatu dan mendorong seseorang mendalami bidang itu.

1.10.2 KERJAYA

Menurut Kamus Dewan (2013), kerjaya adalah sebagai satu perjalanan atau kemajuan seseorang dalam satu lapangan kehidupan yang dijadikan bidang profesional atau pekerjaan pilihan sebagai satu cara untuk mencari nafkah. Norehan (2010), mendefinisikan kerjaya sebagai satu rangkaian yang melibatkan diri seseorang individu dan juga merupakan satu perbuatan yang dilakukan secara berterusan untuk menghasilkan pendapatan bagi menanggung keperluan hidup sehari-hari.





1.10.3 PERUNDING TAKAFUL

Menurut Kamus Dewan (2013), Perunding didefinisikan sebagai orang yang berunding untuk mencapai sesuatu persetujuan atau orang yang dirujuk untuk mendapatkan nasihat kepakaran. Perkataan Takaful berasal dari kata kerja bahasa Arab Kafala yang bermaksud menjaga atau menjamin keperluan seseorang. Oleh itu, permuafakatan antara sekurang – kurangnya dua pihak yang bersetuju untuk saling jamin -- menjamin antara satu sama lain sekiranya berlaku kerugian disebabkan ditimpa bencana atau musibah ia ditakrifkan sebagai Takaful. Takaful adalah satu konsep yang berasaskan prinsip – prinsip berkongsi tanggungjawab bekerjasama dan saling membantu menjaga kepentingan bersama. Setiap peserta menyumbang berasaskan tabarru / (derma) kepada dana yang akan digunakan untuk membantu satu sama lain pada masa yang diperlukan (Azizriadi, 2008). Perunding Takaful adalah seorang yang dilantik oleh mana – mana syarikat Takaful untuk menjadi wakil mereka dalam memasarkan produk Takaful (Alitqan, 2015).

1.10.4 PELAJAR UNIVERSITI AWAM

Pelajar bermaksud penuntut, murid, orang yang sedang mengaji, orang yang menyelidiki ilmu, mahasiswa/ mahasiswi, anak murid, kadet dan anak sekolah. UA adalah akronim kepada Universiti Awam. Pelajar UA meliputi pelajar di Universiti Awam. UA di Malaysia dikategorikan kepada tiga (3) kumpulan iaitu universiti penyelidikan, universiti berfokus (teknikal, pendidikan, pengurusan dan pertahanan) dan universiti komprehensif.





Sehingga kini, terdapat 20 buah Universiti Awam di Negara ini yang terdiri daripada lima (5) universiti penyelidikan, empat (4) universiti komprehensif dan 11 universiti berfokus. Bermula pada 10 Mac 2015, istilah Universiti Awam (UA) mula digunakan.

1.11 RUMUSAN

Pemilihan kerjaya adalah sesuatu yang sangat penting dalam proses kitaran hidup manusia sebelum kita kembali kepada pencipta. Sebelum memilih bidang pekerjaan yang benar – benar memenuhi kepuasan diri dan jaminan hidup semua aspek perlu diambil kira. Hal ini penting dalam kehidupan seseorang individu kerana kerjaya yang bakal dipilih akan menentukan corak peranan yang akan dimainkan oleh individu tersebut dalam masyarakat kelak. Penyertaan lebih ramai golongan muda dalam bidang keusahawanan merupakan salah satu cara untuk meningkatkan pendapatan rakyat pada masa depan. Bagi membantu pelajar – pelajar Universiti Awam (UA) menceburi bidang keusahawanan memilih, pihak berwajib seperti universiti seharusnya membantu mereka dengan mengadakan seminar dan taklimat khas mengenai perkembangan terbaru dunia perniagaan. Melalui kaedah ini dapat membantu mereka mendapat pendedahan mengenai perniagaan dengan lebih baik. Langkah ini mungkin dapat membantu graduan.

